



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN) 2021

“Menggerakkan Negara Melangkaui Aspirasi”.

Kuala Lumpur- Hari ini telah berlangsung Majlis Sambutan Hari Profesion Teknikal 2021 (HPTN 2021) yang telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob secara maya. Sambutan ini telah pun bermula pada 15 November 2021 (Isnin) dan sambutan kemuncak adalah bermula hari ini 04 sehingga 07 Disember 2021.

HPTN merupakan acara sambutan tahunan anjuran Kementerian Kerja Raya (KKR) dan juga agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta badan profesional di bawah KKR iaitu Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.

Sambutan HPTN adalah simbolik penghargaan dan pengiktirafan kepada warga teknikal atas jasa dan sumbangan mereka terhadap kemajuan infrastruktur dan landskap pembangunan negara. HPTN juga salah satu inisiatif untuk memberi galakan dan melahirkan tenaga mahir dalam bidang teknikal, terutamanya kepada generasi muda.

Tema sambutan HPTN pada tahun ini adalah **“Menggerakkan Negara Melangkaui Aspirasi”**. Tema ini dipilih adalah sejajar dengan peranan profesional teknikal dalam menggerakkan landskap pembangunan negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Seiring dengan Dasar Revolusi Perindustrian (4IR) Negara, Kementerian dan agensi dibawahnya komited untuk mempertingkatkan keberkesanan dan produktiviti sektor pembinaan negara melalui pengaplikasian teknologi baharu. Antaranya, ***Prefabricated***

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Prefinished Volumetric Construction (PPVC), Building Information Modeling (BIM) dan Intelligent i-Supervision.

Pelbagai program telah disusun sepanjang berlangsungnya Sambutan HPTN 2021. Antaranya ialah kuiz, pertandingan, webinar, video edukatif teknikal, reruai pameran maya, penampilan Tokoh Teknikal Korporat serta Tokoh Belia Teknikal yang dijemput khas untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran dan pengalaman.

Lebih 80 sesi webinar daripada rakan-rakan strategik turut terlibat bagi menyemarakkan kesedaran dan kefahaman berkaitan bidang kepakaran masing-masing. Pempamer dari penggiat industri teknikal turut mengambil bahagian sepanjang sambutan HPTN 2021. Rakan Strategik Premium yang turut serta sebagai pempamer adalah seperti Acson Malaysia Sales & Service Sdn. Bhd, Tenaga Nasional Berhad, Roadcare (M) Sdn. Bhd, Solar Alert Sdn. Bhd, THB Maintenance Sdn Bhd dan Malaysian Resources Corporation Berhad.

Pengisian lain yang turut diadakan sempena HPTN 2021 ialah pertandingan *HPTN Run 2021, Lego Competition, E-Sport, Photography Competition, Digital Poster, Creative Video* dan *Technical Career Photo (Selfie)* yang menawarkan pelbagai hadiah menarik untuk dimenangi.

Untuk maklumat lanjut mengenai sambutan HPTN 2021, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi iaitu www.hptn2021.my untuk mendapatkan maklumat lanjut dan menyertai pelbagai aktiviti serta pertandingan menarik yang dianjurkan sempena HPTN 2021. Hadiah menarik turut disediakan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
4 Disember 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur